


BH 12/6/07 MS 9

Kepemimpinan Tunku luar biasa

Bekas pegawai British kagum cara kekal standard pentadbiran



Malaysiaku Gemilang

Oleh John Gullick

"HUBUNGAN saya dengan Tunku Abdul Rahman Putra secara peribadi bermula sejak tahun 1955/67 ketika beliau menyandang jawatan Ketua Menteri lagi dan saya berkhidmat di Pejabat Penubuhan Persekutuan.

Satu perkara yang Tunku dan rakannya pasti dilakukan dengan kemenangan Parti Perikatan dalam pilihan raya Persekutuan 1955 ialah bagaimana hendak menepati janji untuk menggantikan semua kakitangan asing kerajaan dengan orang tempatan.

Ini adalah satu komitmen dalam manifesto parti. Komitmen ini harus dilakukan dalam masa empat tahun kemerdekaan.

Mereka bimbang dan ingin mengelak daripada berlakunya tuduh menuduh antara orang awam seperti yang berlaku di Singapura. Kerajaan Barisan Buruh di bawah David Marshall mengadakan perbincangan awam mengenai dasar sama dan persatuan kakitangan tempatan mengatakan bahawa regim kolonial menghalang penggantian kakitangan dagang dengan rakyat Singapura yang layak.

Satu persetujuan dibuat untuk mengadakan jawatankuasa mengenai pengambilalihan perkhidmatan awam dengan Tunku sebagai Pengerusi dan Abdul Razak Hussein (kemudian Tun dan Perdana Menteri), Abdul Aziz Ishak, H S Lee, V T Sambanthan dan Ketua Setiausaha, DC Watherston sebagai ahli. Mereka akan membincang secara rahsia sebelum menerbitkan laporan dan cadangannya.

Saya bertugas sebagai setiausaha jawatankuasa ini dan kami bermesyuarat dua kali seminggu selama satu tahun. Saya mengemukakan laporan itu kepada majlis Persekutuan pada 1956.

Jawatankuasa mengeluarkan kepada setiap jabatan kerajaan soal selidik terperinci mengenai kemajuan dan bakal prospek bagi mengambil alih pentadbiran jabatan. Setiap ketua jabatan dipanggil menghadap jawatankuasa untuk menjawab soalan me-

INTI PATI

- Beliau berpengalaman luas mengenai kerajaan di dalam perkhidmatan awam Kedah.
- Tunku sanggup mendengar pendapat rakannya, terutama sekali Abdul Razak dan H S Lee dan beliau banyak bergantung kepada pertimbangan mereka.
- Berwatak periang tetapi serius dan tegas terhadap tanggungjawab yang dipikulnya.

ngeni situasi yang dinyatakan dalam jawapan soal selidik itu.

Saya berpeluang memerhati Tunku dan rakannya bergelut dengan beberapa masalah yang sukar. Memang tidak ada ramai orang Tanah Melayu yang berkelayakan untuk mengisi semua jawatan yang dipegang oleh pegawai asing di dalam jabatan teknikal, pentadbiran, kastam, polis dan di mana pengalaman penting dalam menjalankan tugas, terutama pada peringkat atas.

Program pengambilalihan dengan segera boleh menjurus kepada keruntuhan standard prestasi dan ini membimbangkan jawatankuasa dan mereka hendak mengelakkannya daripada berlaku. Orang ramai akan menyalahkan mereka.

Jawatankuasa juga terpaksa menerima hakikat bahawa kerajaan kolonial, sebaik-

saja tamat peperangan, melancarkan satu rancangan melatih orang Malaya (selalu-nya di universiti luar negara) untuk jawatan tinggi. Tindakan ini sudah mula mendatangkan kesan lebih baik daripada jangkaan pengkritik kerajaan.

Ini pun, tidak akan mencapai pengambilalihan yang menyeluruh dalam satu generasi jika diteruskan mengikut rentak sama.

Tetapi, yang penting, kira-kira satu per tiga daripada jawatan di dalam Perkhidmatan Awam Malaya, pada tahun 1955, dipegang orang Melayu dan bilangan kecil orang Malaya yang lain, walaupun mereka pada amnya berjawatan rendah.

Hormat saya terhadap Tunku bertambah apabila saya menyaksikan beliau menangani agenda yang sukar ini. Di sebalik watak periangnya, beliau seorang pemimpin yang serius dan bertanggungjawab serta peka terhadap pendapat awam.

Beliau juga berpengalaman luas mengenai kerajaan di dalam perkhidmatan awam Kedah.

Tunku sanggup mendengar pendapat rakannya, terutama sekali Abdul Razak dan H S Lee dan beliau banyak bergantung kepada pertimbangan mereka. Sambanthan kurang bercakap. Abdul Aziz (pada ketika itu, Menteri Pertanian) menimbulkan masalah kerana beliau yang mencadangkan pemiliknegeraan dengan segera dan meragui pegawai British.

Beliau dan Tunku sering kali tidak sehaluan walaupun dengan cara bersopan. Jelas bahawa cara agresif Abdul Aziz menjengkelkan Tunku, seorang bangsawan.

Jawatankuasa mengeluarkan laporan terperinci dan sangat munasabah menca-

"Saya berpeluang memerhati Tunku dan rakannya bergelut dengan beberapa masalah. Tidak ada ramai orang Tanah Melayu berkelayakan untuk isi jawatan dipegang pegawai asing"

John Gullick

Bekas Pegawai di Pejabat Penubuhan Persekutuan



dangkan program mengambil alih secara berperingkat merangkumi jangkamasa tiga hingga tujuh tahun mengikut keadaan perkhidmatan jabatan.

Saya pergi bercuti apabila laporan itu diterbitkan (dan dibentangkan kepada Majlis Persekutuan) tetapi saya percaya laporan itu mendapat sambutan baik, kerana ia membentangkan program yang realistik, lebih ke hadapan daripada percubaan kerajaan yang dulu. Pelaksanaannya juga adalah satu kejayaan.

Pada keseluruhannya, (selain daripada pertelingkahan sekali-sekala dengan Abdul Aziz), Tunku dan rakannya adalah satu kumpulan periang dan bersatu. Saya cuma ingat satu perjumpaan yang muram di rumah Sambanthan di mana air kelapa saja dihidangkan.

Ketika jawatankuasa mengadakan mesyuarat mereka, pada masa rehat pada 1956 apabila Tunku mengetuai satu rombongan ke London untuk berunding mengenai tarikh kemerdekaan.

Mereka pulang ke Malaya penuh gembira, tetapi saya berasa terharu dengan prospek bahawa mereka akan mengambil kuasa penuh kerajaan negara mereka.

Apabila jawatankuasa selesai dengan tugasnya, Tunku dengan baik hati menjemput saya ke majlis makan malam di kediaman rasminya. Majlis itu tidak rasmi. Ada beberapa kanak-kanak dan selepas makan malam seorang kanak-kanak berusia kira-kira tiga tahun berbaju tidur tampil dan bertenggek di atas lutut Tunku.

Beliau menceritakan bagaimana beliau akhirnya diterima menjadi peguam. Beliau mengenang kembali bagaimana tuan rumahnya di Earl Court mengejutkannya pada pagi keputusan peperiksaan akhir Badan Peguam diterbitkan.

Dengan surat khabar *The Times*, dalam tangannya, wanita itu berkata, 'Pak Cik' ('dia selalu panggil Tunku Pak Cik), 'Anda lulus'.

Tunku menjawab, "Pergi dari sini, saya tidak mahu dengar kisah jenaka ini." Tetapi berita itu benar.

Beliau juga menyatakan bahawa beliau berminat dengan politik. Jika politik tidak seronok lagi, beliau akan meninggalkannya. Mujur kita tidak dapat menjangka apa akan berlaku di masa hadapan. Contohnya peristiwa 13 Mei 1969.

Tidak ramai Perdana Menteri Komanwel bersikap tenang seperti Tunku. Saya mengingat Tunku sebagai seorang luar biasa, yang berkhidmat kepada negaranya dengan sangat baik.


Beliau bersusah payah dalam perkara melayan pengundinya seperti menyambut rombongan ke rumahnya pada Hari Raya. Tetapi beliau seberapa boleh cuba mengelak daripada kerenah birokrasi.

Pada satu ketika saya terpaksa mendapatkan tandatangannya untuk sesuatu yang saya tuliskan untuknya menyerahkan kepada Majlis Eksekutif. Setiausaha Melayu di pejabat luarnya berkata, beliau terlalu sibuk untuk berjumpa dengan saya. Saya duduk di situ sehingga mereka membenarkan saya masuk.

"Apa hal?" tanya Tunku. Saya memberitahunya bahawa saya akan kembali selepas beliau membacanya. "Oh, tidak payah," kata beliau lalu menandatangani.

Sepanjang hidup, saya belum diberi penuh kepercayaan seperti ini. Mengenalinya satu penghormatan bagi saya.

Penulis pernah bertugas sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam sebelum dan selepas Merdeka. Berusia 92 tahun, beliau kini tinggal di Essex, England.



BAHAN SEJARAH: Keratan akhbar Straits Times pada 10 Oktober 1961 ketika Tunku mengadakan perbincangan dengan delegasi dari Borneo Utara (kini Sabah) mengenai penyertaan Sabah kedalam Malaysia di Kuala Lumpur.